

01 OGOS 2017

Pengganggu dihukum gantung

SINAR HARIAN • SELASA 1 OGOS 2017

DARI TERENGGANU

51

Pengganggu dihukum gantung

Tertuduh didapati bersalah edar heroin seberat 34.09 gram dua tahun lalu

FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU- Bahana dadah, seorang pengganggu dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu di sini, semalam, kerana mengedar dadah berbahaya jenis heroin seberat 34.09 gram dua tahun lalu.

Keputusan itu dibuat Hakim Datuk Zainal Azman Ab Aziz setelah tertuduh, Mohd Syawaldi Mamad, 26, didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 39 B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa mengedar dadah berbahaya jenis heroin seberat 34.09 gram di sebuah rumah di Kampung Pak Pa, Kuala Terengganu pada 3 Jun 2015, jam 6.30 petang.

Dia juga didakwa mengikut Seksyen 12(2) akta sama kerana memiliki dadah jenis *methamphetamine* seberat 27.84 gram dan dijatuhi hukuman penjara tiga tahun. Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di alamat, waktu dan tarikh yang sama.

Terdahulu, Mohd Syawaldi yang berbaju putih, kelihatan tenang di kandang tertuduh ketika Zainal Azman membuat keputusan itu.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Fadhi Mahmud dalam hujahannya berkata, hukuman setimpal perlu dikenakan dengan mengambil kira kepentingan masyarakat, selain bertujuan memberi pengajaran kepada masyarakat agar tidak terjebak dalam aktiviti pengedaran dadah.

Peguam tertuduh, Wan Zainuddin Wan Musa pula dalam rayuannya memohon mahkamah agar meringankan hukuman terhadap tertuduh atas alasan tertuduh tidak mempunyai rekod lampau dan masih muda.



Mohd Syawaldi dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu, semalam, setelah didapati bersalah mengedar dadah jenis heroin.